



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP MATA PELAJARAN  
KEMAHIRAN HIDUP PILIHAN PERTANIAN**

**ROHANA BINTI ABDUL RAHIM**

**FPP 1996 1**

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP MATA PELAJARAN  
KEMAHIRAN HIDUP PILIHAN PERTANIAN

Oleh

ROHANA BINTI ABDUL RAHIM

Projek ini dikemukakan untuk memenuhi syarat keperluan Ijazah Master  
Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.

November 1996



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. yang sentiasa memberi taufik dan hidayahNya serta kekuatan kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan kertas projek ini.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr Abdul Fatah bin Abdul Malek selaku penyelia projek yang telah membimbing penulis menyiapkan projek ini. Terima kasih juga diajukan kepada Dr Rahim bin Abu Bakar dan Dr Mohd Majid bin Konting yang telah sudi menyemak kesahan soal selidik kajian. Tidak lupa ribuan terima kasih kepada Encik Ahmad Shukor bin Mansor, Puan Rabeah binti Che Awang dan Encik Mohd Zaki bin Ambak yang telah sanggup menyemak dan memperbaiki kandungan ujian khas untuk tujuan kesahannya.

Penulis ingin merakamkan terima kasih kepada Bahagian Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, pengetua-pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar terlibat yang telah memberi kerjasama sepenuhnya sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Kepada pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian dan rakan-rakan seperjuangan yang tidak jemu melayan kerenah, penulis ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas budi yang telah dihulurkan. Hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian.



Akhir sekali penulis ingin meluahkan rasa terharu yang amat dan merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta, Adahudinsa Munci dan anak tersayang Ahmad Shahir, bonda Hajjah Hindon Haji Muda, adik beradik serta ipar duai yang telah memberi sokongan padu kepada penulis untuk berjaya menamatkan pengajian dan menyiapkan kajian ini. Kepada ayahanda Allahyarham Haji Abdul Rahim Haji Jusoh, segala dorongan dan jasmu akan dikenang sehingga akhir nanti. Inshaallah, semoga kita semua dirahmati Allah.



## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN.....	iii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
ABSTRAK.....	xi
ABSTRACT.....	xii
BAB	
I PENDAHULUAN	
Pengenalan.....	1
Pernyataan Masalah.....	6
Objektif Kajian.....	
a) Objektif Umum.....	7
b) Objektif Khusus.....	8
Soalan Kajian.....	8
Kepentingan Kajian.....	9
Batasan Kajian.....	10
Definisi Operasional.....	11
II SOROTAN PENULISAN BERKAITAN	
Kepentingan Persepsi Pelajar Terhadap Beberapa Aspek P&P.....	14
Pengaruh Latar Belakang Dan Persepsi Terhadap Mata Pelajaran.....	21
Pengaruh Pencapaian Akademik Dan Persepsi Terhadap Mata Pelajaran.....	24
Rumusan.....	26
III METODOLOGI	
Rekabentuk Kajian.....	27
Populasi Dan Sampel.....	28
Instrumen Kajian	
a) Soal Selidik.....	29
b) Ujian Khas.....	30
Kesahan Dan Kebolehpercayaan.....	31
Pengumpulan Data.....	32
Analisis Data.....	32



BAB		
IV	DAPATAN KAJIAN	
	Profil Responden.....	34
	Hasil Kajian	
	Persepsi Terhadap Mata Pelajaran KH3	
	a) Persepsi Terhadap Aspek Sukatan Mata Pelajaran.....	39
	b) Persepsi Terhadap Aspek Kemudahan...	40
	c) Persepsi Terhadap Aspek Jadual Waktu	41
	d) Persepsi Terhadap Aspek Pengajaran Guru.....	43
	Perbezaan Persepsi Dengan Latar Belakang	
	a) Perbezaan Persepsi Dengan Jantina.....	46
	b) Perbezaan Persepsi Dengan SES.....	48
	c) Perbezaan Persepsi Dengan Lokasi.....	53
	Pencapaian Pelajar Di Dalam Mata Pelajaran KH3....	55
	Hubungan Persepsi Dengan Pencapaian KH3 Pelajar..	57
V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN Perbincangan	
	Profil Subjek.....	59
	Persepsi Pelajar Terhadap KH3.....	61
	Perbezaan Persepsi Dengan Latar Belakang....	66
	Hubungan Pencapaian Dengan Persepsi.....	71
	Kesimpulan.....	72
	Cadangan.....	73
	BIBLIOGRAFI.....	77
LAMPIRAN:	1 Soal Selidik.....	85
	2 Ujian Khas.....	91
	3 Senarai Nama Sekolah Terlibat.....	103
	4 Senarai Penyemak Kesahan Soal selidik.....	105
	5 Senarai Penyemak Kesahan Kandungan Ujian Khas.....	107
	6 Surat-Surat Kebenaran.....	109
	7 Jadual Memilih Saiz Sampel.....	113
VITA.....		115

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina.....	35
2	Taburan Bilangan dan Peratus Sampel Mengikut Adik Beradik.....	35
3	Taburan dan Pemeratusan Taraf Pendidikan Penjaga.....	36
4	Taburan Bilangan Dan Peratus Jumlah Pendapatan Bapa/Penjaga Dan Ibu/Penjaga (SES).....	37
5	Taburan Bilangan dan Pemeratusan Lokasi Pelajar...	38
6	Persepsi Pelajar Terhadap Sukatan Mata Pelajaran KH3.....	40
7	Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Yang Disediakan Bagi Mata Pelajaran KH3.....	41
8	Persepsi Pelajar Terhadap Jadual Waktu Mata Pelajaran KH3.....	42
9	Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Guru KH3.....	44
10	Taburan Dan Peratus Aspek-Aspek Persepsi Berasaskan Min.....	45
11	Ujian t Bagi Aspek-Aspek Persepsi Berdasarkan Jantina.....	47
12	ANOVA Antara Persepsi Sukatan Dan SES.....	48
13	Ujian Scheffe Antara Persepsi Sukatan Dan SES .....	49
14	ANOVA Antara Persepsi Kemudahan Dan SES.....	50
15	Ujian Scheffe Bagi Persepsi Kemudahan Dan SES.....	50
16	ANOVA Antara Persepsi Jadual Waktu Dan SES.....	51
17	ANOVA Antara Persepsi Pengajaran Guru Dan SES....	52



Jadual	Muka Surat
18 Ujian Scheffe Bagi Persepsi Pengajaran Guru Dan SES.....	53
19 Ujian t Bagi Aspek-Aspek Persepsi Berdasarkan Lokasi.....	53
20 Taburan Dan Peratusan Pencapaian KH3 Pelajar.....	56
21 Korelasi Antara Persepsi Dengan Pencapaian.....	58



## SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 Perkaitan Komponen Dalam Proses P&P.....	15



## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis Of Variance
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KH	Kemahiran Hidup
KH1	Kemahiran Hidup Pilihan Kemahiran Manipulatif
KH2	Kemahiran Hidup Pilihan Ekonomi Rumah Tangga
KH3	Kemahiran Hidup Pilihan Pertanian
KK	Kekeluargaan
KLSM	Kurikulum Lama Sekolah Menengah
KM	Kemahiran Manipulatif
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
P&K	Perdagangan Dan Keusahawanan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
P&P	Pengajaran Dan Pembelajaran
SES	Status Sosio Ekonomi
SPSS	Statistical Packages For The Social Science



Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains.

## PERSEPSI PELAJAR TERHADAP MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP PILIHAN PERTANIAN

Oleh

ROHANA BINTI ABDUL RAHIM

NOVEMBER 1996

Penyelia : Abdul Fatah bin Abdul Malek, Ph.D.

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup Pilihan Pertanian (KH3) dari aspek sukatan mata pelajaran, kemudahan sedia ada di sekolah, jadual waktu pengajaran dijalankan dan gaya pengajaran guru. Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk menentukan sama ada jantina, status sosio ekonomi (SES) dan lokasi sekolah serta pencapaian pelajar dalam KH3 memberi pengaruh kepada persepsi mereka. Seramai 305 orang pelajar tingkatan tiga yang mengambil elektif KH3 di sekolah-sekolah akademik dari kawasan bandar dan luar bandar di daerah Kuala Terengganu telah dipilih secara persampelan rawak berlapis sebagai sampel kajian. Data dikumpul dengan menggunakan set soal selidik dan set ujian khas. Data dianalisis dengan menggunakan taburan frekuensi, pemerataan, ujian  $t$ , ANOVA dan ujian korelasi Pearson. Hasil analisis menunjukkan kebanyakan pelajar mempunyai persepsi yang tinggi terhadap aspek sukatan dan pengajaran guru tetapi mereka mempunyai persepsi yang rendah terhadap aspek kemudahan sedia ada dan jadual waktu pengajaran. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi dan SES. Pelajar daripada SES tinggi didapati mempunyai persepsi yang tinggi terhadap aspek sukatan dan pengajaran guru. Jantina juga berbeza secara signifikan dengan persepsi, responden lelaki mempunyai persepsi yang lebih tinggi terhadap aspek jadual waktu berbanding dengan responden perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan di antara lokasi sekolah dan skor persepsi. Pelajar dari sekolah luar bandar mempunyai persepsi yang rendah terhadap aspek sukatan, jadual waktu dan pengajaran guru manakala pelajar dari bandar adalah sebaliknya. Didapati juga wujud korelasi yang positif di antara persepsi dengan pencapaian pelajar di mana pelajar yang mendapat skor pencapaian tinggi juga mempunyai skor persepsi yang tinggi.



Abstract of a project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

## STUDENTS' PERCEPTION OF LIVING SKILL ( AGRICULTURE ELECTIVE) SUBJECT

By

ROHANA BINTI ABDUL RAHIM

NOVEMBER 1996

Supervisor : Abdul Fatah bin Abdul Malek, Ph.D.

The objective of the research was to determine students' perception of the Living Skill Agriculture Elective (KH3) subject pertaining to the aspects of syllabus, facilities provided, time tabling and teaching approach. In addition, the research attempted to determine whether gender, social economic status (SES), locality of the school and their academic performance had any influence on their perception of the subject. A total of 305 form three students who studied KH3 in the academic schools from rural and urban area in Kuala Terengganu were chosen by means of stratified

questionnaire and a special test. Data were analyzed using the frequencies, percentage, t test, ANOVA and Pearson's Correlation. The results showed that most of the students' had a high perception of the syllabus and teaching approach but low perception of the facilities provided and time tabling. There was a significant

found to have higher perception of the syllabus and teaching approach. Gender also contributed a significant difference in perception, male respondents showed higher perception of time tabling compared to female respondents. Findings also showed the existence of significant difference between school localities on perception scores. Students in rural schools had low perception of the syllabus, time tabling and teaching approach compared to students in urban schools. It was also found that there was a positive correlation between perception and student performance, students with high performance scores had high perception scores.



## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dimulakan pada tahun 1988. Semua mata pelajaran akademik diubah bentuk kurikulumnya termasuk mata-mata pelajaran aneka jurusan (Sains Pertanian, Perdagangan, Seni Perusahaan dan Sains Rumah Tangga).

Tujuan KBSM digubah adalah untuk memberi peluang kepada pelajar mengembangkan potensi mereka dari segi rohani dan jasmani, termasuklah intelek, emosi dan psikomotor. Ini bererti KBSM bertujuan mengembangkan potensi pelajar secara menyeluruh. Berdasarkan kepada falsafah pendidikan negara, rancangan KBSM bertujuan melahirkan insan yang berakhlak mulia. Melalui KBSM ini, diharapkan negara dapat melahirkan warganegara maju dan berfungsi secara berkesan dan produktif.

Untuk memenuhi tujuan tersebut, mata-mata pelajaran aneka jurusan diubahsuai menjadi mata pelajaran Kemahiran Hidup. Pelaksanaan mata pelajaran ini dijalankan sepenuhnya di semua sekolah menengah di Malaysia pada tahun 1991. Mata pelajaran Kemahiran Hidup (KH) terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian teras dan bahagian elektif. Bahagian teras mengandungi tiga komponen iaitu Kemahiran Manipulatif (KM) Perdagangan dan Keusahawanan (P&K) dan Kekeluargaan (KK) yang perlu dipelajari oleh semua pelajar. Bahagian elektif pula mengandungi tiga pilihan iaitu Kemahiran Manipulatif Tambahan dikenali sebagai KH1, Ekonomi Rumah Tangga dikenali sebagai KH2 dan Pertanian dikenali sebagai KH3. Pelajar hanya perlu memilih salah satu daripada tiga elektif di atas. Elektif yang dipilih tidak boleh ditukar sehinggalah tamat tingkatan tiga. Setiap elektif mempunyai isi kandungan pelajaran yang berbeza. Kajian ini memfokuskan KH3 memandangkan penyelidik terlibat secara langsung dalam mata pelajaran ini. Selain itu ia juga bertujuan untuk menjuruskan dapatan kajian.

KH3 mengandungi beberapa pecahan tajuk yang mesti dipelajari oleh semua pelajar menengah rendah sebelum menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pecahan-pecahan tajuk tersebut ialah KK, P&K dan KM sebagai bahagian teras serta tajuk-tajuk Pertanian sebagai elektif. Di bawah tajuk KK, pelajar mempelajari perkara-perkara berkenaan :-

a) Peningkatan Kendiri yang merangkumi tajuk -tajuk kecil di bawahnya iaitu

Memahami diri, Membina Imej Kendiri dan Kemahiran Membuat Keputusan.

- b) Kesejahteraan Keluarga yang meliputi tajuk-tajuk Mengetahui Keluarga, Perhubungan Mesra dan Menghadapi Konflik.
- c) Keharmonian Hidup Bermasyarakat yang melibatkan dua tajuk kecil iaitu Mengetahui Masyarakat dan Alam Pekerjaan.

P&K menyediakan tajuk-tajuk seperti Pengenalan Alam Perniagaan, Asas Keusahawanan, Pengeluaran, Industri Tempatan, Asas Perniagaan, Menyimpan Rekod dan Konsumerisme.

Pecahan tajuk bahagian KM termasuklah Kerja Kayu dan Logam, Kerja Paip Asas, Elektrik, Elektronik, Enjin, Pengurusan Diri dan Perkebunan.

Bagi elektif Pertanian, perkara-perkara yang dipelajari terdiri dari Menanam Sayuran, Menanam Jagung, Menanam Pokok Hiasan Dalam Pasu, Projek Taman Mini dan Ternakan (sama ada menternak ayam pedaging atau burung puyuh atau anab).

Bagi memenuhi syarat PMR, semua pelajar diwajibkan menyiapkan projek-projek tertentu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. Projek-projek amali ini dikendalikan oleh pihak sekolah tempat pelajar belajar. Jika diperhatikan secara menyeluruh, mata pelajaran KH amnya dan KH3 khususnya adalah satu usaha dalam menjuruskan pelajar ke arah alam pekerjaan. Mata

pelajaran ini dikenali juga sebagai pendidikan pra-vokasional yang berkait rapat dengan pendidikan vokasional dan sudah diketahui umum bahawa pendidikan vokasional bertujuan membolehkan seseorang itu menjalankan atau membuat beberapa pekerjaan tertentu. KH3 diibarat sebagai satu mata pelajaran ke arah peninjauan atau 'exploration' kepada alam pekerjaan. Mata pelajaran ini akan membawa banyak perubahan dari pelbagai segi jika dibandingkan dengan mata pelajaran elektif KLSM. Antara perubahan tersebut ialah isi kandungan yang bersepadu dan baru dan menekankan aspek kemahiran.

Kelainan dari segi isi kandungan yang menekankan aspek pengajaran dan pembelajaran dari segi kreativiti dan inovasi serta keusahawanan adalah aset yang sangat berguna untuk membentuk tenaga sumber manusia yang diperlukan dalam wawasan negara. Begitu juga dengan kemahiran-kemahiran yang ditekankan di dalam dan di luar bilik seperti kemahiran menggunakan berbagai peralatan tangan, menjahit, memasak, mencari maklumat, berkomunikasi, mengumpul dan menganalisa maklumat adalah juga pengalaman yang dapat digunakan dalam kehidupan seharian. Pada dasarnya, mata pelajaran KH melatih pelajar-pelajar keadaan alam pekerjaan yang sebenar di sekolah. Ini adalah selaras dengan pendapat Fatimah Hamid Don (1984) yang mengatakan adalah perlu untuk mewujudkan kombinasi dunia pekerjaan dengan pendidikan di sekolah. Pengwujudan mata pelajaran ini di peringkat persekolahan adalah bertujuan untuk memberikan pelajar pengetahuan dan kemahiran supaya mereka celik teknologi dan

celik ekonomi. Pendidikan ini sudah menjadi sebahagian daripada keseluruhan sistem pendidikan negara. Selain daripada melatih pelajar dengan kemahiran-kemahiran untuk pekerjaan, ia juga membentuk perkembangan kognitif dan personaliti pelajar supaya mereka lebih memahami diri sendiri dan alam persekitaran yang bercorak sosial dan fizikal. Sehubungan ini, pelajar-pelajar sepatutnya sedar serta faham dan berpersepsi positif terhadap mata pelajaran ini. Persepsi positif pelajar mungkin akan menolong tercapainya objektif mata pelajaran tersebut.

Menurut Roediger (1984) , persepsi ialah proses mentafsir maklumat yang disedari melalui organ-organ penerima untuk kemudian menghasilkan dan membentuk imej tentang sesuatu perkara. Di dalam proses mentafsir itu, Abbas (1991) mengatakan bahawa pengalaman lepas sangatlah penting bagi membentuk imej positif, negatif atau neutral terhadap perkara berkenaan. Sesuatu persepsi selalunya akan melalui proses melihat, merasa dan mengerti. Menurut Yahaya (1982) pula, persepsi perlu untuk menentukan pendapat, penerimaan atau rasa tidak puas hati terhadap apa yang lihat dan dialami. Dalam erti kata lain, persepsi merupakan tanggapan atau pengamatan seseorang terhadap sesuatu, misalnya tanggapan pelajar terhadap mata pelajaran KH. Tanggapan ini terbentuk berdasarkan pengalaman yang dilalui sama ada dengan cara melihat, merasa, mendengar, mengalami, memahami dan sebagainya. Menurut Zaidatul dan Habibah (1990), pengalaman-pengalaman ini pula secara tidak langsung akan mempengaruhi

kuantiti dan kualiti pembelajaran seseorang pelajar. Dari itu persepsi pelajar merupakan salah satu perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu sewajarnya ia dikenal pasti dengan melihat perkara-perkara yang mempengaruhinya sebelum langkah-langkah seterusnya dapat diambil.

### **Penyataan Masalah**

Mata pelajaran KHB yang diperkenalkan sepenuhnya pada tahun 1991 adalah sebagai salah satu strategi awal bagi penyediaan tenaga kerja negara selaras dengan cita-cita negara untuk menjadi negara maju. Namun begitu, memandangkan mata pelajaran ini baru dilaksanakan enam tahun dan tiada pula kajian khusus yang dijalankan, maka sukar untuk membuat telahan sama ada pelajar mempunyai persepsi positif atau negatif terhadap mata pelajaran ini berbanding dengan mata-mata pelajaran lain seperti Sains, Matematik, Bahasa Malaysia atau lain-lain mata pelajaran yang sudah mantap dan terbukti kedudukan masing-masing dari segi akademik.

Memandangkan objektif yang luas dan mencabar terhadap mata pelajaran ini, seharusnya pelajar-pelajar berpersepsi positif terhadapnya agar dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Bagaimana pun, sama ada persepsi pelajar itu positif atau negatif, ia bergantung kepada pengalaman yang

dilaluinya semasa belajar mata pelajaran tersebut. Semasa belajar, aspek-aspek seperti apa yang dipelajari (sukatan), kemudahan yang disediakan, jadual waktu belajar dan gaya pengajaran guru akan dialami oleh pelajar. Pengalaman-pengalaman inilah yang akan membentuk persepsi mereka terhadap KH3. Dengan ini adalah difikirkan perlu untuk menjalankan kajian bagi meninjau persepsi pelajar terhadap aspek-aspek di atas. Sekiranya persepsi pelajar terhadap aspek-aspek di atas positif, proses pengajaran dan pembelajaran mungkin akan berjaya. Salah satu cara menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran ialah dengan menilai pencapaian pelajar, oleh itu perlu juga dilihat sama ada pencapaian pelajar dalam KH3 memberi pengaruh kepada persepsi mereka. Selain itu, latar belakang juga mungkin memainkan peranan dalam menentukan persepsi mereka terhadap KH3. Semua ini perlu dikaji sebelum tindakan selanjutnya boleh diambil oleh pihak tertentu yang bertanggung jawab.

## **Objektif Kajian**

### **a) Objektif Umum**

Objektif umum kajian ini adalah untuk meninjau persepsi pelajar terhadap mata pelajaran KH3 dari aspek sukatan pelajaran, kemudahan sedia ada, jadual waktu dan gaya pengajaran guru mereka. Ia juga akan menentukan sama ada pembolehubah latar belakang dan pembolehubah pencapaian mempengaruhi

persepsi pelajar dalam mata pelajaran KH3 di peringkat PMR.

**b) Objektif Khusus**

1. Mengenal pasti persepsi pelajar tentang sukatan mata pelajaran, kemudahan sedia ada, jadual waktu dan gaya pengajaran guru terhadap mata pelajaran KH3.
2. Menentukan sama ada wujudnya perbezaan persepsi terhadap mata pelajaran KH3 di kalangan pelajar yang berbeza latar belakang.
3. Mengenal pasti tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran KH3.
4. Menentukan sama ada terdapat hubungan di antara persepsi dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran KH3.

**Soalan Kajian**

1. Apakah persepsi pelajar terhadap mata pelajaran KH3 dari aspek-aspek sukatan mata pelajaran, kemudahan sedia ada, masa (jadual waktu) dan gaya pengajaran guru?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pelajar dengan latar belakang dari segi jantina, SES dan lokasi sekolah?
3. Apakah pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran KH3?

4. Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara persepsi dengan pencapaian KH3 pelajar?

### **Kepentingan Kajian**

Semua pihak harus sedar bahawa mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah sangat penting untuk penerokaan alam pekerjaan bagi semua pelajar. Bagaimanapun tanpa persepsi yang positif pelajar terhadap mata pelajaran ini mungkin akan menggagalkan usaha pendidikan masa kini ke arah memperkembangkan kemahiran manipulatif, memupuk semangat keusahawanan dan menggalakkan daya mereka cipta di kalangan pelajar. Seterusnya ia mungkin juga boleh menggagalkan usaha awal kerajaan dalam cuba menyediakan tenaga kerja dalam pelbagai bidang bagi menampung keperluan negara ke arah negara maju.

Dari kajian ini, persepsi pelajar mengenai aspek-aspek sukatan mata pelajaran, kemudahan yang disediakan, jadual waktu mata pelajaran dan pengajaran guru terhadap mata pelajaran KH3 dapat dikenal pasti. Sama ada persepsi mereka dipengaruhi oleh jantina, SES serta lokasi sekolah atau tidak dan hubungan persepsi dengan pencapaian pelajar boleh juga diketahui. Gambaran menyeluruh kedudukan mata pelajaran KH3 di kalangan pelajar akan dapat menolong atau membantu pihak-pihak tertentu seperti pihak pentadbir sekolah, guru dan pihak

penggubal kurikulum untuk meneliti dan mengkaji semula sebarang tanggapan negatif pelajar terhadap mata pelajaran ini baik dari segi kandungan sukatan, kemudahan yang disediakan, jadual waktu mata pelajaran dijalankan dan gaya pengajaran guru mereka sendiri .

Guru mungkin boleh mengubah gaya penyampaian baik dari segi teori atau amali dan menjelaskan kepada pelajar tentang kepentingan mata pelajaran ini. Pihak pentadbir sekolah boleh mengubah cara pelaksanaan mata pelajaran ini diperingkat sekolah misalnya dari segi penyediaan kemudahan peralatan dan jadual waktu mata pelajaran dijalankan. Pihak penggubal kurikulum akan mengetahui samada sukatan mata pelajaran ini disenangi oleh pelajar atau sebaliknya malah boleh diteliti semula samada ia perlu diubah atau diperbaiki sebaik mungkin agar objektif sebenar boleh tercapai. Selain itu, ibu bapa dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung perlu sedar untuk cuba memainkan peranan masing-masing sebaik mungkin agar persepsi pelajar terhadap mata pelajaran ini menjadi sentiasa positif. Kajian ini juga adalah sebagai perintis kepada kajian-kajian selanjutnya dalam bidang ini yang bakal dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar di daerah Kuala Terengganu yang mengambil mata pelajaran KH3 dan berada di dalam tingkatan 3 sahaja. Pelajar-

pelajar dari tingkatan 3 dijadikan subjek kajian memandangkan pelajar ini adalah pelajar tahap akhir bagi mata pelajaran ini. Mereka telah mengikuti dan mempelajari mata pelajaran KH3 selama tiga tahun dan dijangka sudah dapat menilainya dengan matang, dengan itu dapatan kajian akan menjadi lebih mantap.

Ketepatan kajian ini juga adalah dibatasi oleh ketepatan pelajar menjawab instrumen penyelidikan yang digunakan iaitu soal selidik dan ujian khas.

### **Definisi Operasional**

Berikut diuraikan beberapa istilah berdasarkan kajian yang akan dijalankan:-

#### **a) Persepsi**

Persepsi adalah pandangan atau tanggapan seseorang terhadap sesuatu yang dirasa, dilihat, didengar dan difahami. Persepsi akan menentukan pendapat individu samada setuju atau tidak tentang sesuatu yang dialami. Dalam konteks kajian ini, persepsi pelajar terhadap beberapa aspek pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran KH3 akan cuba diukur. Aspek-aspek tersebut ialah sukatan iaitu isi kandungan mata pelajaran, kemudahan yang disediakan seperti bengkel, peralatan, bahan dan tenaga pengajar, jadual waktu termasuklah jumlah waktu serta

jangkamasanya dan corak atau gaya pengajaran guru yang mengajar.

**b) Pelajar**

Pelajar adalah dimaksudkan kepada murid-murid yang belajar (mengambil) mata pelajaran KH3 di tingkatan 3 di sekolah-sekolah menengah akademik di daerah Kuala Terengganu.

**c) Kemahiran Hidup Pilihan Pertanian (KH3)**

KH3 ialah satu mata pelajaran yang diajar di sekolah menengah rendah. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu teras dan elektif. Semua topik teras dipelajari sama dengan pelajar yang mengambil dua elektif yang lain kecuali bahagian pertanian (elektif) dipelajari agak mendalam.

**d) Latar belakang**

Latar belakang dalam kajian ini merujuk kepada jantina, SES dan lokasi sekolah bagi setiap responden.

**i. Jantina**

Ia merujuk kepada sifat semula jadi atau seks pelajar. Pelajar lelaki dan perempuan dipilih sebagai subjek kajian ini.

ii. Status Sosio Ekonomi (SES)

Dalam kajian ini, SES adalah berdasarkan jumlah nilai pendapatan bapa/penjaga lelaki dan nilai pendapatan ibu/penjaga perempuan responden.

iii. Lokasi Sekolah

Lokasi dirujuk kepada kedudukan sekolah iaitu sama ada di bandar atau luar bandar. Penentuan kedudukan sekolah-sekolah tersebut adalah berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

d) Tahap Pencapaian Akademik

Tahap pencapaian akademik ialah gred yang diperolehi oleh pelajar dalam ujian atau peperiksaan. Dalam kajian ini tahap pencapaian akademik adalah merujuk kepada markah yang diperolehi oleh pelajar di dalam satu ujian khas. Ujian khas ini dibentuk oleh penyelidik berdasarkan sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia 1991. Ujian Khas ini adalah mengikut format soalan PMR.